

U B254 DEB
MAHATHIR-HARTAWAN 1984

KUALALUMPUR, 24 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MAHU BUMIPUTERA MENGIKISKAN PERASAAN IRI HATI TERHADAP BUMIPUTERA LAIN YANG MENJADI HARTAWAN DAN SEBALIKNYA BERUSAHA MENINGKATKAN KEMAMPUAN MEREKA BAGI MEREKUT PELUANG YANG DISEDIAKAN DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU.

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA PERLU INGAT BAHAWA TIDAK SEMUA ORANG YANG BOLEH MENJADI KAYARAYA TETAPI SEMUA BOLEH MENGECAPI KEJAYAAN DAN KEBAHAGIAAN JIKA MEREKA BERUSAHA MENJAMIN PERNIAGAAN YANG DIMULAKAN SECARA KECIL-KECILAN MENINGKAT SETAPAK DEMI SETAPAK.

+JIKA MODAL KECIL, BUAT PERNIAGAAN KECIL...JIKA MODAL BESAR BUAT CARA BESAR DAN JIKA ADA KEMAMPUAN TERTENTU MAKA GUNAKANLAH. KITA PERLU MELIBATHAN PENINGKATAN KERJA DAHULU SEBELUM BERMIMPI MENJADI HARTAWAN,+ TAMBAHNYA SEMASA MERASMIKAN WISMA JAYANITA KEPUNYAAN KOPERASI DERMAJAYA WANITA UMNO DI KAMPUNG BARU DISINI.

BANGUNAN ITU YANG DULUNYA DINAMAKAN DEWAN SYARIFAH RODZIAH TELAH DIBELI OLEH WANITA UMNO DENGAN HARGA \$500,000 DUA TAHUN LALU DAN KERJA MENGUBAHSUAINYA MEMAKAN BELANJA \$500,000.--LAGI.--D

DR. MAHATHIR KESAL KERANA ADA DI KALANGAN ORANG MELAYU YANG CUMA INGIN MENJADI HARTAWAN SEHINGGAKAN MEMBUAT DAKWAAN KONONNYA MEREKA TIDAK MENDAPAT PERTOLONGAN YANG DIPERLUKAN DARI KERAJAAN UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MENJADI HARTAWAN SEPERTI BUMIPUTERA LAIN YANG TELAH MENJADI HARTAWAN.

+SAYA BARU-BARU INI MELIHAT RANCANGAN PEMBANGUNAN YANG MANA TERDAPAT REBUTAN DARI SEMUA YANG HENDAK MENJADI HARTAWAN WALAUPUN TIDAK MEMPUNYAI SESEEN PUN. MEREKA BEREBUT DAN BERKELAHI SESAMA SENDIRI NAK MENJADI HARTAWAN... NAMPAKNYA DALAM KEPALA KITAINI TIDAK ADA LAIN KECUALI INGIN MENJADI KAYA RAYA,+ SINDIRNYA.

DR. MAHATHIR KESAL KERANA ADA DI KALANGAN ORANG MELAYU YANG CUMA INGIN MENJADI HARTAWAN SEHINGGAKAN MEMBUAT DAKWAAN KONONNYA MEREKA TIDAK MENDAPAT PERTOLONGAN YANG DIPERLUKAN DARI KERAJAAN UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MENJADI HARTAWAN SEPERTI BUMIPUTERA LAIN YANG TELAH MENJADI HARTAWAN.

+SAYA BARU-BARU INI MELIHAT RANCANGAN PEMBANGUNAN YANG MELIBATKAN REBUTAN DARI SEMUA YANG HENDAK MENJADI HARTAWAN WALAUPUN TIDAK MEMPUNYAI SESEEN PUN. MEREKA BEREBUT DAN BERKELAHI SESAMA SENDIRI NAK MENJADI HARTAWAN... NAMPAKNYA DALAM KEPALA KITAINI TIDAK ADA LAIN KECUALI INGIN MENJADI KAYARAYA,+ SINDIRNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM KEGHAIRAHAN HENDAK MENJADI HARTAWAN ITU, BUMIPUTERA BERKENAAN LUPA MENYOAL DIRISAMA ADA KESALAHAN ITU TERLETAK PADA DIRI SENDIRI ATAU ORANG LAIN DAN JIKA DIBERI PELUANG, ADAKAH MEREKA MEMPUNYAI KEUPAYAAN TERTENTU YANG BOLEH MEMBERI KEJAYAAN.

DR. MAHATHIR MENGINGATKAN BAHAWA KERAJAAN TELAH MEMBERIKAN BANYAK BANTUAN, PELUANG DAN USAHA SEPERTI MENDAPATKAN PELABUR ASING UNTUK MENGADAKAN USAHA-SAMA DENGAN BUMIPUTERA SEHINGGAKAN ADA SYARIKAT BUMIPUTERA YANG MENDAPAT KONTREK BERNILAI BERIBU-RIBU JUTA RINGGIT.

KATANYA, DALAM BIDANG TERTENTU, ADA SYARIKAT YANG DIBERI KONTREK AMAT BESAR TETAPI MALANGNYA ORANG MELAYU CUMA MENUMPUKAN PERHATIAN TERHADAP APA YANG TIDAK DAPAT ATAU MENIMBULKAN PERASAAN TIDAK PUAS HATI KRONONNYA KERAJAAN TIDAK MEMBERI PERTOLONGAN KEPADA BUMIPUTERA.

+KITA BOLEH MENYENARAikan PELUANG DAN BANTUAN YANG DIBERI KEPADA BUMIPUTERA SUNGGUHPUN DIDAPATI USAHA YANG DIJALANKAN OLEH BUMIPUTERA MENGECEWAKAN DENGAN ADANYA MEREKA YANG TIDAK MEMENUHI SYARAT-SYARAT SERTA MENINGGALKAN KERJA SEPARUH JALAN, + KATANYA.

BAGAIMANAPUN, DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN KERAJAAN TIDAK AKAN SERIK DAN AKAN TERUS MEMBERI PELUANG KEPADA BUMIPUTERA DENGAN SYARAT MEREKA BERUSAHA MENINGKATKAN PENYERTAAN MEREKA DALAM BIDANG EKONOMI. --- JAGI

D402

U B260 DEB

MAHATHIR-HARTAWAN KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, DR. MAHATHIR BERKATA USAHA INI TIDAK MENJAMIN SEMUA AKAN MENJADI HARTAWAN KERANA MEMANG SUDAH MENJADI LUMRAHALAM, TIDAK MUNGKIN ADA KEJAYAAN YANG SAMA DALAM SEMUA JENIS UKURAN.

+KEADAAN PEMBANGUNAN ANTARA BUMIPUTERA TIDAK AKAN SEIMBANG. ADA SI POLAN YANG DAPAT LEBIH DAN TAHU MENGGUNAKAN PELUANG DENGAN CARA BERKESAN, ADA YANG TIDAK DAPAT SEMUA, ADA YANG MENDAPAT KURANG ATAU TIDAK MENDAPAT LANGSUNG.

+INI SEPERTI JUGA DALAM PEPERANGAN, ADA YANG MATI, ADA YANG CEDERA DAN ADA YANG HIDUP DAN YANG PULANG DAN DISAMBUT DENGAN KEMENANGAN. +

PERDANA MENTERI BERKATA YANG LEBIH PENTING PADA ANALISIS TERAKHIR IALAH OLEH KERANA TERSELAMAT MASYARAKAT, SEMUA MENDAPAT NIKMAT DARIPADA APA YANG PADA MULANYA DIANGGAP TIDAK ADA KEADILAN.

SAMBIL MENYATAKAN CUMA BEBERAPA KERAT SAHAJA BUMIPUTERA YANG AKAN MENJADI HARTAWAN, DR. MAHATHIR BERKATA APA YANG PATUT MENJADI UKURAN BUKAN UNTUK MENJADI HARTAWAN TETAPI UNTUK MENDAPAT KEJAYAAN DAN PELUANG DARI DASAR-DASAR KERAJAAN.

+UMPAMANYA, JIKA KITA MENJUAL AIR BATU KACANG DI TEPI JALAN, KITA KEMUDIAN DAPAT BERJUAL DI KEDAX LEBIH ELOK ATAU DI BANGUNAN TINGGI YANG LEBIH MODEN DAN MENDAPAT KEUNTUNGAN DARIPADA MENJUAL AIS KACANG DARIPADA 50 SEN KEPADA \$3.00, MAKA INILAH KEJAYAAN YANG BOLEH DIUKUR. +

BELIAU YAKIN PADA MASA DEPAN, SUNGGUHPUN KEDUDUKAN EKONOMI BUMIPUTERA BERBEZA, SEMUA DAPAT MENGECAPI KEMEWAHAN DAN KEJAYAAN DAN RAKYAT MENJADI LEBIH KAYA DENGAN PARAS GAJI TERENDAH SEKARANG SEBANYAK \$300 SEBULAN SEKARANG MENINGKAT SEHINGGA \$700 SEBULAN.

DR. MAHATHIR JUGABERPENDAPAT RAKYAT AKAN MENDAPAT KEDUDUKAN EKONOMI LEBIH BAIK DENGAN MELIBATKAN DIRI DALAM SYARIKAT HOLDINGS SEPERTI KOOP DERMAJAYA WANITA DAN TIDAK TERBATAS KEPADA SYARIKAT YANG DIKENDALIKAN OLEH ORANG PERSEORANGAN.

PENGERUSI JAYANITA, DATIN PADUKA AISHAH GHANI YANG JUGABEKAS KETUA WANITA UMNO BERKATA KOOP ITU YANG MEMPUYAI 400,000 ORANG ANGGOTA BERHASRAT MENUBUHKAN SEBUAH SYARIKAT HOLDINGS.

KOOP JUGA BERCADANG MENDIRIKAN SEBUAH KOMPLEKS PERNIAGAAN SETINGGI 15 TINGKAT DI JALAN CHOW KIT DI SINI DENGAN KERJASAMA UDA.

PADA AKHIR UPACARA, DR. MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH SERTA PARA TETAMU MENDENGAR TAKLIMAT DAN MENYAKSIKAN PERSEMBAHAN AUDIO-VISUAL MENGENAI PUSAT PERDACANGAN DUNIA PUTRA YANG KINI SEDANG DIBINA DI KOMPLEKS BARU IBU PEJABAT UMNO YANG BERHARGA \$300 JUTA. ---BERNAMA

BERNAMA 21 11 84